A

Pendakwa Raya lwn Mohd Sham bin Ibrahim

B

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — PERBICARAAN JENAYAH NO MA-45SOM-9–04 TAHUN 2019
MOHD RADZI ABDUL HAMID H
1 FEBRUARI 2024

C

Keterangan — Kebolehterimaan — Rakaman percakapan — Kesalahan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('ATIPSOM') — Tertuduh mengaku menyeludup migran semasa memberi rakaman percakapan — Permohonan pendakwaan mengemukakan rakaman percakapan sebagai keterangan kes pendakwaan — Sama ada pengakuan tertuduh dalam rakaman percakapan boleh diterima sebagai keterangan di bawah s 18A Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ('SOSMA') — Sama ada peruntukan s 2 SOSMA yang menetapkan bahawa Akta tersebut terpakai kepada semua kes keselamatan tanpa pengecualian mengatasi pemakaian ss 5(2) dan 35 ATIPSOM

D

E

Ini adalah satu ketetapan atau 'ruling' serta alasan keputusan terhadap persoalan sama ada di bawah satu pertuduhan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('ATIPSOM') satu pengakuan tertuduh di dalam rakaman percakapan yang diberikan kepada pegawai penyiasat ('SP4') di bawah s 112 Kanun Tatacara Jenayah boleh diterima sebagai keterangan di bawah s 18A Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ('SOSMA'). Tertuduh telah dituduh dengan satu kesalahan di bawah s 26A ATIPSOM kerana melakukan perbuatan penyeludupan lima migran tanpa izin. Semasa pemeriksaan utama SP4 telah menyatakan tertuduh telah mengaku menyeludup migran yang terkait semasa memberi rakaman percakapannya. Oleh itu, pihak pendakwaan telah memohon kepada mahkamah untuk mengemukakan rakaman percakapan tersebut sebagai keterangan kes pendakwaan melalui pemakaian s 18A Akta SOSMA. Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa kes semasa adalah di bawah s 26A ATIPSOM dan kesalahan tersebut disenarai di dalam Jadual Pertama SOSMA sebagai kesalahan keselamatan, maka s 18A SOSMA adalah terpakai di dalam kes ini. Disebaliknya, tertuduh menghujahkan walaupun s 18A SOSMA adalah peruntukan khas yang terpakai untuk kes-kes keselamatan, namun mahkamah tidak boleh mengenepikan peruntukan s 5(2) dan 35 ATIPSOM dalam pertimbangan sama ada s 18A SOSMA terpakai untuk satu pertuduhan di bawah ATIPSOM. Tertuduh juga menghujahkan bahawa kes-kes yang dirujuk oleh pihak pendakwaan tidak relevan dan hendaklah dibezakan dengan kes ini kerana kesemua keputusan tersebut melibatkan kesalahan keselamatan bawah Kanun Keseksaan ('KK') yang tidak

F

G

H

I

mempunyai pertimbangan pemakaian peruntukan-peruntukan ATIPSOM.

Diputuskan:

(1) Kes-kes yang dirujuk oleh pendakwaan melibatkan kesalahan-kesalahan di bawah s 130JA, 130J(1)(a), 130JB(1)(a) dan 130M KK dan bukan kesalahan di bawah ATIPSOM. Oleh kerana pertuduhan di dalam kes-kes tersebut melibatkan kesalahan keselamatan di bawah Kanun Keseksaan maka adalah wajar bahawa peruntukan SOSMA terpakai di dalam kes-kes tersebut. Dengan yang demikian, keputusan-keputusan kes-kes tersebut, iaitu terhadap pemakaian s 18A SOSMA, hendaklah dibaca terhad kepada fakta kes-kes itu (lihat perenggan 15).

(2) Seksyen-seksyen 5(2) dan 35 ATIPSOM mengatasi pemakaian s 18A SOSMA dalam kes ATIPSOM. Walaupun kedua-dua Akta ATIPSOM dan SOSMA adalah Akta yang khusus, namun peruntukan s 5(2) ATIPSOM jelas menyatakan bahawa dalam keadaan mana terdapat percanggahan antara peruntukan ATIPSOM dengan undang-undang lain '... peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah, setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu, disifatkan digantikan'. Seksyen 5(2) ATIPSOM tidak mengecualikan SOSMA, maka SOSMA termasuk dalam ruang lingkup '... peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain'. Juga, walaupun SOSMA digubal pada tahun 2012 kemudian daripada ATIPSOM yang digubal pada tahun 2007, pengekalan peruntukan s 5(2) dan 35 ATIPSOM tanpa pengecualian atau pindaan selepas SOSMA berkuatkuasa menyebabkan kedua-dua peruntukan itu kekal sebagai peruntukan undang-undang yang mesti diberi kesan oleh mahkamah. Sekira penggubal undang-undang meniatkan sebaliknya sudah pasti s 5(2) telah dipinda untuk menyatakan SOSMA sebagai undang-undang yang dikecualikan dari peruntukan itu (lihat perenggan 20–21).

(3) Atas prinsip *generalia specialibus non derogant*, s 5(2) ATIPSOM menuntut pemakaian s 35(2) ATIPSOM terhadap kebolehterimaan keterangan sesuatu kenyataan tertuduh di dalam kes ATIPSOM dan bukan s 18A SOSMA (lihat perenggan 22).

(4) Pemakaian prinsip 'harmonius construction' menjustifikasikan pemisahan peruntukan kedua-dua Akta itu lebih-lebih lagi kerana peruntukan nyata s 5(2) ATIPSOM. Maka, peruntukan s 5(2) dan 35 ATIPSOM harus di baca secara harmoni dengan s 18A SOSMA. Atas pertimbangan itu, s 35 ATIPSOM harus terus terpakai untuk semua kes keselamatan tanpa perlu menggangu pemakaian s 18A SOSMA kepada kes-kes keselamatan selain ATIPSOM dan sebaliknya (lihat perenggan 23).

[English summary

This was a ruling as well as grounds of decision on the question whether for the charge under the Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007 ('the ATIPSOM'), a confession of the accused in a recorded statement to the investigating officer ('PW4') under s 112 of the Criminal Procedure Code was admissible as evidence under s 18A of the Security Offences (Special Measures) Act 2012 ('the SOSMA'). The accused was charged with one offence under s 26A of theATIPSOM for illegally smuggling five migrants. During the chief examination, PW4 stated that the accused had confessed to smuggle the migrants during police examination. Then, the prosecution applied to the court to produce the recorded statement as evidence during the prosecution's case under s 18A of the SOSMA Act. The prosecution submitted that the present case was under s 26A of the ATIPSOM and that the offence was listed in the First Schedule of SOSMA as a security offence, hence s 18A of the SOSMA applicable in this case. On the other hand, the accused submitted that even though s 18A of theSOSMA is special provision applicable to security cases, the court cannot set aside provisions s 5(2) and 35 of the ATIPSOM in considering whether s 18A of theSOSMA applicable to the charge under ATIPSOM. The accused also submitted that cases referred by the prosecution were irrelevant and should be distinguished from the present case as all decisions involved security offences under the Penal Code ('the PC') which are not pari materia with ATIPSOM.

Held:

(1) The cases referred by the Prosecution involved offences under s 130JA, 130J(1)(a), 130JB(1)(a) and 130M of the PC and were not offences under ATIPSOM. Since the charges in these cases involved security offences under the Penal Code, it was appropriate that the provisions of SOSMA applicable in such cases. As such, the decisions of the cases, ie on the application of s 18A of the SOSMA, should be read limited to the facts of the case (see para 15).

(2) Sections 5(2) and 35 of the ATIPSOM override the application of s 18A of the SOSMA in the ATIPSOM cases. Even though ATIPSOM Act and SOSMA were specific Acts, the provisions of s 5(2) of the ATIPSOM clearly state that in any circumstances when there is a discrepancy between the provisions of ATIPSOM and other laws '... the provisions of such other written laws shall, to the extent of the conflict or inconsistency, be deemed to be superseded'. Section 5(2) of the ATIPSOM does not exclude SOSMA, hence SOSMA falls within the scope of '... provisions of any other written laws'. Also, even though SOSMA was enacted in 2012 later than ATIPSOM in 2007, the provisions of s 5(2) and 35 of the ATIPSOM were retained without exception or amendment after SOSMA came into force resulted in both

provisions remained as provisions that must be effected by the courts. If the legislator intends otherwise, s 5(2) must have been amended to state that SOSMA is exempted from the provision (see paras 20–21).

(3) On the principle of *generalia specialibus non derogant*, s 5(2) of the ATIPSOM requires the application of s 35(2) of the ATIPSOM against the admissibility of the accused's statement in the ATIPSOM cases and not s 18A of the SOSMA (see para 22).

(4) The principle of harmonious construction justified the separation of applicability of the two Acts, especially on the express provisions of s 5(2) of the ATIPSOM. Therefore, the provisions of s 5(2) and 35 of the ATIPSOM must be read in harmony with s 18A of the SOSMA. With that in mind, s 35 of the ATIPSOM should continue to apply to all security offences without contravening the application of s 18A of the SOSMA to security offences other than ATIPSOM and vice versa (see para 23).]

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah bin Atan v PP and other appeals [2020] 6 MLJ 727; [2020] 9 CLJ 151, MP (diikut)

Nathan a/l Rajandran v PP [2022] 6 MLJ 800; [2022] 1 MLRA 707; [2022] 1 CLJ 908, MR (dirujuk)

Pendakwa Raya v Jusninawati bt Abdul Gani [2016] MLJU 1256; [2016] 1 LNS 1657, MT (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Siti Noor Aishah bt Atam [2017] 7 MLJ 461; [2017] 1 LNS 684, MT (dirujuk)

Pihak Berkuasa Tatatertib Majlis Perbandaran Seberang Perai & Anor v Muziadi bin Mukhtar [2020] 1 MLJ 141; [2020] 1 CLJ 1, MP (diikut)

PP v Abu Hasan Chan bin Abdullah [2020] MLJU 2472; [2020] 1 LNS 1539, MT (dirujuk)

PP v Aszroy bin Achoi [2018] 9 MLJ 702; [2018] 8 CLJ 762, MT (dirujuk)

PP lwn Citara [2022] MLJU 1551; [2022] 1 LNS 1565; [2022] CLJU 1565, MT (dibeza)

PP v Khairuddin bin Abu Hassan & Anor [2017] MLJU 188; [2017] 4 CLJ 701, MR (dirujuk)

PP v Koh Chin Wah & Anor [2022] MLJU 1924; [2022] 1 LNS 1877, MT (dibeza)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ss 2, 5(2), 26A, 35, 35(1), (2)

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 37(da)

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ss 2, 18A, Bahagian 7, Jadual Pertama

Akta Keterangan 1950

Kanun Keseksaan ss 130JA, 130J(1)(a), 130JB(1)(a), 130M
Kanun Tatacara Jenayah ss 112, 180(4)

Mohd Asri bin Abd Rahman Sidik (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka) bagi pihak plaintif.
Suzana Norlihan bt Alias (Suzana Norlihan & Co) bagi pihak defendan.

Mohd Radzi Abdul Hamid H:

PERKARA DI HADAPAN MAHKAMAH

[1] Ini adalah satu ketetapan atau 'ruling' serta alasan keputusan terhadap persoalan samada di bawah satu pertuduhan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('ATIPSOM') satu pengakuan tertuduh di dalam rakaman percakapan yang diberikan kepada pegawai penyiasat di bawah s 112 Kanun Tatacara Jenayah boleh diterima sebagai keterangan di bawah s 18A Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ('SOSMA').

LATAR BELAKANG

[2] Tertuduh telah dituduh dengan satu kesalahan di bawah s 26A ATIPSOM kerana melakukan perbuatan penyeludupan lima migran tanpa izin. Semasa pemeriksaan utama SP4 ('pegawai penyiasat') saksi itu telah menyatakan tertuduh telah mengaku menyeludup migran yang terkait semasa memberi rakaman percakapannya dan pada ketika itu pihak pendakwaan telah memohon kepada mahkamah ini untuk mengemukakan rakaman percakapan itu sebagai keterangan kes pendakwaan melalui pemakaian s 18A Akta SOSMA. Permohonan itu telah dibantah oleh pihak pembelaan.

[3] Mahkamah telah mengarahkan kedua-dua pihak pendakwaan dan pembelaan untuk memasukkan hujahan secara bertulis untuk pertimbangan mahkamah ini. Setelah meneliti dan mempertimbangkan hujahan kedua-dua pihak mahkamah membuat dapatan dan ketetapan seperti berikut.

HUJAHAN PIHAK-PIHAK

[4] Pihak pendakwaan menghujahkan SOSMA adalah satu Akta yang khusus mengenai tatacara perbicaraan kes keselamatan dan mengandungi peruntukan yang khusus mengenai penerimaan keterangan. Di dalam perbicaraan kes semasa peruntukan yang terkait adalah s 18A. Seksyen itu memperuntukkan:

> Apa-apa pernyataan oleh seseorang tertuduh sama ada secara lisan atau bertulis kepada mana-mana orang pada bila-bila masa hendaklah boleh diterima sebagai keterangan.

[5] Oleh kerana pertuduhan didalam kes semasa adalah di bawah s 26A ATIPSOM dan kesalahan itu disenarai di dalam Jadual Pertama SOSMA sebagai kesalahan keselamatan, maka dihujahkan s 18A SOSMA adalah terpakai di dalam kes ini. Rujukan telah dibuat kepada keputusan di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Siti Noor Aishah bt Atam* [2017] 7 MLJ 461; [2017] 1 LNS 684; *Public Prosecutor v Abu Hasan Chan bin Abdullah* [2020] MLJU 2472; [2020] 1 LNS 1539; *Public Prosecutor v Aszroy bin Achoi* [2018] 9 MLJ 702; [2018] 8 CLJ 762 dan *Pendakwa Raya v Jusninawati bt Abdul Gani* [2016] MLJU 1256; [2016] 1 LNS 1657 yang telah memutuskan s 18A SOSMA adalah terpakai dalam penerimaan keterangan di dalam kes-kes keselamatan. Di dalam kes *Aszroy Achoi* mahkamah memutuskan seperti berikut:

> [23] Counsel for accused objected to the statement on the ground that it is not admissible under the Criminal Procedure Code. I overruled the objection as the SOSMA is a special law that governs trials of security offences. In accordance with the basic principle of statutory interpretation captured in the Latin maxim *generalia specialibus non derogant* which means that the general provisions of the law must yield to special provisions of the law, I hold that s 18 overrides any impediment to the admission of the said statement that is found in the Criminal Procedure Code or the Evidence Act 1950. In fact, s 18 is found in Part VII of the SOSMA and s 17 enacts that Part VII shall have effect notwithstanding any inconsistency with the Evidence Act 1950.
>
> [24] I find support for the view in the unreported cases of *Pendakwa Raya lwn Siti Noor Aishah bt Atam* [2017] 7 MLJ 461; [2017] 1 LNS 684 and *Pendakwa Raya v Jusninawati bt Abdul Gani* [2016] MLJU 1256; [2016] 1 LNS 1657 that was brought to my attention by the learned DPP. In the said cases, the court held that a confessionary statement of an accused person can be admitted under S 18A without regard to the provisions of the Criminal Procedure Code and the Evidence Act 1950.

[6] Peguambela untuk tertuduh pula menghujahkan walaupun s 18A SOSMA adalah peruntukan khas yang terpakai untuk kes-kes keselamatan, namun mahkamah tidak boleh mengenepikan peruntukan ss 5(2) dan 35 ATIPSOM dalam pertimbangan samada s 18A SOSMA terpakai untuk satu pertuduhan di bawah ATIPSOM.

[7] Seksyen 5(2) ATIPSOM memperuntukkan:

> (1) Peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, yang berhubungan dengan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.
>
> (2) *Sekiranya terdapat apa-apa percanagghan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain peruntukan Akta ini hendaklah terpakai dan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras*

itu hendaklah, setakat percanggahan atau ketidak selarasan itu, disifatkan digantikan.

[8] Manakala s 35(1) ATIPSOM pula memperuntukkan:

(1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seseorang pegawai penguat kuasa semasa penyiasatan dibuat di bawah Akta ini boleh digunakan dalam keterangan.

[9] Mengikut s 2 ATIPSOM 'pegawai penguat kuasa' termasuk mana-mana Pegawai Polis atau Pegawai Imigresen atau Pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

[10] Seterusnya peguambela menghujahkan kes-kes yang dirujuk oleh pihak pendakwaan hendaklah dibezakan dari kes semasa kerana semua keputusan itu melibatkan kesalahan keselamatan di bawah Kanun Keseksaan di mana tidak ada pertimbangan pemakaian peruntukan-peruntukan ATIPSOM tadi. Kerana itu, keputusan-keputusan tersebut tidak releven kepada pertimbangan mahkamah ini.

[11] Peguambela telah menarik perhatian mahkamah kepada satu keputusan di dalam *Public Prosecutor lwn Citara* [2022] MLJU 1551; [2022] 1 LNS 1565; [2022] CLJU 1565 di mana walaupun kes itu melibatkan satu pertuduhan di bawah s 26A ATIPSOM namun mahkamah tidak mempertimbang pemakaian ss 5(2) dan 35 (1) ATIPSOM tetapi sebaliknya memutuskan bahawa s18A SOSMA adalah terpakai. Peguambela menghujahkan keputusan di dalam kes ini tidak boleh diterima oleh mahkamah sebagai otoriti untuk pemakaian s 18A SOSMA di dalam kes ATIPSOM kerana hakim di dalam kes *Citara* tidak langsung merujuk kepada peruntukan-peruntukan ATIPSOM tadi dalam mencapai keputusan atas itu kebolehterimaan keterangan. Hakim di dalam *Citara* memutuskan:

B. PENERIMAAN PENYATAAN OKT (ID25) SEBAGAI EKSHIBIT

[12] Untuk ini pihak pendakwaan merujuk kepada s 18A Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas 2012) yang memperuntukkan:

> Apa-apa pernyataan oleh seseorang tertuduh samada secara lisan atau bertulis kepada mana-mana orang pada bila-bila masa hendaklah boleh diterima sebagai keterangan.

[13] Pihak pendakwaan menghujah s 2 SOSMA memperuntukkan bahawa Akta tersebut adalah terpakai kepada semua kesalahan keselamatan. Kesalahan keselamatan adalah ditafsirkan di bawah s 3 SOSMA sebagai kesalahan yang dimasukkan di bawah Jadual Pertama SOSMA. Di bawah Jadual Pertama tersebut, ianya jelas di bawah Bahagian IIIA ATIPSOM 2007 adalah di bawah SOSMA yang mana s 26A hingga 26K Akta adalah di bawah Bahagian IIIA ini.

A [14] Oleh kerana OKT dituduh di bawah s 26A ATIPSOM maka prosedur di bawah SOSMA secara automatik terpakai. Oleh yang demikian selaras dengan s 18A SOSMA penyataan OKT boleh diterima masuk sebagai keterangan (rujuk *Public Prosecutor v Abu Hasan Chan bin Abdullah* [2020] MLJU 2472; [2020] 1 LNS 1539).

B [15] Dengan menggunakan prinsip 'generalia specialibus non derogant' maka penyataan OKT boleh diterima masuk dan ditandakan sebagai P25.

PENILAIAN MAHKAMAH

C **[12]** Menyentuh terlebih dahulu mengenai SOSMA Mahkamah Rayuan didalam kes *Public Prosecutor v Khairuddin bin Abu Hassan & Anor* [2017] MLJU 188; [2017] 4 CLJ 701 dan *Nathan a/l Rajandran v Public Prosecutor* [2022] 6 MLJ 800; [2022] 1 MLRA 707; [2022] 1 CLJ 908 telah memutuskan bahawa SOSMA telah digubal untuk memerangi terorisme. D Maka ia adalah satu Akta yang khusus yang telah digubal mengenai tatacara perbicaraan kes sebagai kes keselamatan seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama SOSMA.

E **[13]** Di atas pemakaian prinsip *generalia specialibus non derogant* peruntukan Bahagian 7 SOSMA mengatasi pemakaian Akta Keterangan 1950 setakat mana ia bercanggah dengan Akta Keterangan. Dengan demikian keputusan-keputusan di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Siti Noor Aishah bt Atam* [2017] 7 MLJ 461; [2017] 1 LNS 684 *Public Prosecutor v Abu Hasan* F *Chan bin Abdullah* [2020] MLJU 2472; [2020] 1 LNS 1539 *Public Prosecutor v Aszroy bin Achoi* [2018] 9 MLJ 702; [2018] 8 CLJ 762 dan *Pendakwa Raya v Jusninawati bt Abdul Gani* [2016] MLJU 1256; [2016] 1 LNS 1657 telah memutuskan pernyataan tertuduh yang termasuk satu pengakuan boleh diterima sebagai keterangan di bawah s 18A SOSMA walaupun secara G umumnya ianya tidak boleh diterima sebagai keterangan di bawah peruntukan Kanun Tatacara Jenayah.

[14] Menyentuh pula mengenai peruntukan ATIPSOM, s 5(2) memperuntukkan dengan jelas bahawa ATIPSOM mengatasi mana mana H undang-undang lain yang bercanggah dengan peruntukan ATIPSOM. Adalah perlu untuk disebut bahawa peruntukan seperti di dalam s 5(2) ini tidak terkandung di dalam SOSMA. Maka, niat penggubal undang-undang bahawa peruntukan ATIPSOM akan terpakai secara khusus terhadap kesalahan di bawah undang-undang itu hendaklah diberi kesan oleh mahkamah.

I **[15]** Setelah meniliti keputusan-keputusan yang dirujuk oleh pihak pendakwaan dan pembelaan, mahkamah bersetuju dengan hujahan pihak pembelaan bahawa kes-kes yang dirujuk oleh pihak pendakwaan melibatkan kesalahan-kesalahan di bawah ss 130JA, 130J(1)(a), 130JB(1)(a) dan 130M

Kanun Keseksaan dan bukan kesalahan di bawah ATIPSOM. Oleh kerana pertuduhan di dalam kes-kes itu melibatkan kesalahan keselamatan di bawah Kanun Keseksaan maka adalah wajar bahawa peruntukan SOSMA terpakai di dalam kes-kes itu. Dengan yang demikian keputusan-keputusan tadi terhadap pemakaian s 18A SOSMA hendaklah dibaca terhad kepada fakta kes-kes itu.

[16] Mengenai keputusan di dalam kes *Citara* pula, walaupun kes itu melibatkan pertuduhan di bawah s 26A ATIPSOM, malangnya mahkamah tidak mempertimbang isu kesan peruntukan ss 5(2) dan 35 ATIPSOM berbanding s 18A SOSMA dalam mencapai ketetapan bahawa s 18A adalah peruntukan yang terpakai. Begitu juga di dalam kes *Public Prosecutor v Koh Chin Wah & Anor* [2022] MLJU 1924; [2022] 1 LNS 1877 mahkamah tidak mempertimbang peruntukan s 5(2) dan s 35 ATIPSOM dalam membuat ketetapan bahawa s 18A SOSMA terpakai di dalam kes yang melibatkan pertuduhan di bawah s 26A ATIPSOM. Maka, mahkamah ini berpendapat keputusan hakim perbicaraan di dalam kes-kes itu juga perlu dihadkan kepada fakta di dalam kes-kes itu.

[17] Adalah jelas bahawa kedua-dua Akta ATIPSOM dan SOSMA adalah undang-undang yang khusus. Persoalannya apakah peruntukan s 2 SOSMA yang menetapkan bahawa Akta itu terpakai kepada semua kes keselamatan tanpa pengecualian mengatasi pemakaian ss 5(2) dan 35 ATIPSOM. Kelihatannya seperti ada percanggahan atau konflik di antara peruntukan kedua-dua Akta itu. Sebagai perbandingan:

> Seksyen 2 SOSMA:
>
> Akta ini hendaklah terpakai bagi kesalahan keselamatan.
>
> Seksyen 5(2) ATIPSOM:
>
> Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan an tara peruntukan Akta ini dengan peruntukan mana-mana undang undang bertulis lain, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai dan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah, setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu, disifatkan digantikan.

[18] Merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Abdullah bin Atan v Public Prosecutor and other appeals* [2020] 6 MLJ 727; [2020] 9 CLJ 151, dalam membincangkan perkara percanggahan atau konflik peruntukan dua undang-undang yang berbeza YAA Tengku Maimun Tuan Mat KHN mengatakan seperti berikut:

> [53] ... Where there is a conflict between a specific law and a general law, the conflict may be resolved in one of two ways. The *first is via the maxim generalia specialibus non derogant. The second is the doctrine of harmonious construction*.
>
> ...

A [58] Section 180(4) of the CPC and s 37(da) of the DDA must be read harmoniously, applying the doctrine of harmonious construction. In a nutshell, the doctrine requires that the legislation be construed in a way which would achieve a harmonious result and that construction should favour coherence in the law (see *Pihak Berkuasa Tatatertib Majlis Perbandaran Seberang Perai & Anor v Muziadi bin* B *Mukhtar* [2020] 1 MLJ 141; [2020] 1 CLJ 1 at paras 78 to 79). A harmonious construction would limit 'credible evidence' to the actual finding of possession, as propounded in Muhammed Hassan, and once that is established successfully, it would invoke the presumption of trafficking. Defence will then be called on trafficking where the legal burden would shift to the accused to disprove trafficking.

C

[19] Merujuk pula kepada keputusan Mahkamah Persekutuan didalam kes *Pihak Berkuasa Tatatertib Majlis Perbandaran Seberang Perai & Anor v Muziadi bin Mukhtar* [2020] 1 MLJ 141; [2020] 1 CLJ 1, prinsip 'harmonius construction' dalam meleraikan percanggahan antara dua peruntukan D undang-undang telah di nyatakan seperti berikut:

[78] In this regard, it would be convenient for us to discuss the doctrine of harmonious constructions. To put it simply, the doctrine of harmonious construction means a statute should be read as a whole and one provision of the Act should be construed with reference to other provisions in the same Act so as to make E a consistent enactment of the whole statute. Such an interpretation is beneficial in avoiding any inconsistency or repugnancy either within a section or between a section and other parts of the statute. The five main principles of this doctrine/rule are as follows:

F (a) the court must avoid a head on clash of seemingly contradictory provisions and they must construe the contradictory provisions so to harmonise them (see *Commissioner of Income Tax v Hindustan Bulk Carriers* [2002] 3 SCC 57 at p 74);

(b) the provision of one section cannot be used to defeat the provision G contained in another unless the court, despite all its efforts, is unable to find a way to reconcile their differences;

(c) when it is impossible to completely reconcile the differences in contradictory provisions, the courts must interpret them in such a way that effect is given to both provisions as much as possible (see *Sultana* H *Begum v Prem Chand Jain AIR* [1997] SC 1006 at pp 1009–1010);

(d) courts must also keep in mind that interpretation that reduces one provision to useless or dead lumber is not harmonious construction (see *Pihak Berkuasa Tatatertib Majlis Perbandaran Seberang Perai & Anor* I *v Muziadi bin Mukhtar* [2020] 1 MLJ 141 at 166 *Commissioner of Income Tax v Hindustan Bulk Carriers* [2002] 3 SCC 57 at p 74); and

(e) to harmonise is not to destroy any statutory provision or to render it fruitless.

[79] In a nutshell, the doctrine requires that the legislation be construed in a way which would achieve a harmonious result, and that construction should favour coherence in the law.

[20] Berpandukan keputusan tadi, mahkamah berpendirian kedua-dua peruntukan itu mengatasi pemakaian s 18A SOSMA di dalam kes ATIPSOM. Walaupun kedua-dua Akta ATIPSOM dan SOSMA adalah Akta yang khusus namun peruntukan s 5(2) ATIPSOM yang jelas menyatakan bahawa dalam keadaan mana terdapat percanggahan antara peruntukan ATIPSOM dengan undang-undang lain '... peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah, setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu, disifatkan digantikan'. Seksyen 5(2) ATIPSOM tidak mengecualikan SOSMA, maka SOSMA termasuk dalam ruang lingkup '... peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain ...'.

[21] Pada pendapat mahkamah ini, walaupun SOSMA telah digubal pada 2012 kemudian dari ATIPSOM yang digubal pada tahun 2007, namun pengekalan peruntukan ss 5(2) dan 35 ATIPSOM tanpa pengecualian atau pindaan selepas SOSMA berkuatkuasa menyebabkan kedua-dua peruntukan itu kekal sebagai peruntukan undang-undang yang mesti diberi kesan oleh mahkamah ini. Sekira penggubal undang-undang meniatkan sebaliknya sudah pasti s 5(2) telah dipinda untuk menyatakan SOSMA sebagi undang-undang yang dikecualikan dari peruntukan itu.

[22] Mahkamah mendapati atas prinsip *generalia specialibus non derogant*, s 5(2) ATIPSOM menuntut pemakaian s 35(2) ATIPSOM terhadap kebolehterimaan keterangan sesuatu kenyataan tertuduh di dalam kes ATIPSOM dan bukan s 18A SOSMA.

[23] Mahkamah juga berpendapat pemakaian prinsip 'harmonius construction' seperti yang di rujuk pakai didalam kes *Abdullah Atan* menjustifikasikan pemisahan peruntukan kedua-dua Akta itu lebih-lebih lagi kerana peruntukan nyata s 5(2) ATIPSOM. Maka, sepertimana kes *Abdullah Atan* memutuskan peruntukan s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan s 180(4) Kanun Tatacara Jenayah perlu di baca secara harmoni, begitu juga peruntukan ss 5(2) dan 35 ATIPSOM harus di baca secara harmoni dengan s 18A SOSMA. Atas pertimbangan itu, s 35 ATIPSOM harus terus terpakai untuk semua kes keselamatan tanpa perlu menggangu pemakaian s 18A SOSMA kepada kes-kes keselamatan selain ATIPSOM dan sebaliknya.

KETETAPAN (*RULING*)

[24] Dengan yang demikian mahkamah menetapkan:

(a) s 35 ATIPSOM dan bukan s 18A SOSMA, adalah peruntukan

undang-undang yang terpakai dalam menentukan kebolehterimaan keterangan apa-apa kenyataan tertuduh di dalam satu perbicaraan pertuduhan di bawah ATIPSOM; dan

(b) dengan yang demikian apa-apa keterangan pengakuan tertuduh kepada SP4 didalam kes semasa tidak boleh diterima sebagai keterangan.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh K Selvaraju